

ISLAM DI KEDAH

PERKEMBANGAN & KELESTARIAN

Kedah merupakan negeri yang tertua di Malaysia dan memiliki kerajaannya sendiri untuk tempoh yang lama. Kedudukannya yang strategik telah menjadikan Kedah sebagai tempat tumpuan pedagang dari Timur dan Barat. Pengislamahan raja Kedah, Maharaja Derbar Raja II, pada tahun 1136M membuktikan bahawa Islam telah datang lebih awal ke negeri tersebut. Sejak itu, perkembangan Islam di negeri Kedah menikmati kepesatan dalam pelbagai bidang, antaranya perundungan, fatwa, sosial, ekonomi dan pendidikan. Pada hari ini, pelbagai agensi dan entiti telah memainkan peranan masing-masing dalam melestarikan pembangunan umat Islam di negeri Kedah, antaranya Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK), Yayasan Islam Negeri Kedah (YINK) dan Jabatan Mufti Negeri Kedah. Sehubungan itu, buku ini menghimpunkan makalah-makalah terbaik yang membahaskan tentang perkembangan Islam di negeri Kedah. Bertepatan dengan tajuknya 'Islam di Kedah: Perkembangan & Kelestarian', perbahasan makalah dalam buku ini menonjolkan tentang sejarah perkembangan Islam di negeri Jelapang Padi dan meneliti usaha-usaha yang telah dilakukan bagi menjamin kelestarian umat Islam.

MOHAMAD ZULFAZOLEE ABUL HASSAN ASHARI, Sm.Pi. (Kep.), S.Pi. (UKM), Ph.D (UM) merupakan Pensyarah Kanan di Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, UKM. Bidang tujuan beliau ialah Kopimpinan Politik dan Ketenteraan, Sejarah dan Tamadun Islam di India (Era Mughal) serta Sejarah dan Tamadun di Afrika Utara dan Andalus.

FIRUZ AKHTAR LUBIS, B.A. (Hons.) (Tehran), M.A. (St. Louis), Ph.D (SOAS, London) merupakan Pensyarah Kanan di pusat yang sama. Bidang tujuan beliau ialah Sastera Bandingan (Arab-Parsi-Melayu), Sastera Kembara dan Sastera Islami.

NAPISAH KARIMAH ISMAIL, Sm.Pi. (Kep.), S.Pi. (UKM), Ph.D (UM). Pensyarah Kanan di pusat yang sama dan merupakan Ketua Program Pengajaran Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, UKM. Bidang tujuan beliau ialah Sejarah dan Tamadun Islam Zaman Pertengahan, Isu-isu Minoriti Muslim dan Sejarah Politik Dunia Islam.



Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
www.ukm.my/fpi

ISBN 978 967 2623 41 0




9 7 8 9 6 7 2 6 2 3 4 1 0

ISLAM DI KEDAH

— PERKEMBANGAN & KELESTARIAN —

ISLAM DI KEDAH

— PERKEMBANGAN & KELESTARIAN —



Penyunting
Mohamad Zulfazolee Abul Hassan Ashari
Firuz Akhtar Lubis
Napisah Karimah Ismail

I SLAM DI KEDAH

PERKEMBANGAN & KELESTARIAN

ISLAM DI KEDAH

PERKEMBANGAN & KELESTARIAN

Penyunting

**Mohamad Zulfazdlee Abul Hassan Ashari
Firuz Akhtar Lubis
Napisah Karimah Ismail**

FAKULTI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI • 2021
<http://www.ukm.my/fpi>

Cetakan Pertama / *First Printing*, 2021
Hak cipta / *Copyright* Fakulti Pengajian Islam UKM, 2021

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar, serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit terlebih dahulu.

All right reserved. No part of this publication may be produced or transmitted in any form or by means, electronic or mechanical, including photocopy, recording, or any in any information storage and retrieval system, without prior permission in writing from the Publisher.

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*
FAKULTI PENGAJIAN ISLAM
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA

Diatur huruf di Malaysia oleh / *Typeset in Malaysia by*
MUHAMAD IZAQ ABD. MURAD
izaqabdmurad@gmail.com

Dicetak di Malaysia oleh / *Printed in Malaysia by*
ZHENG YIN COMMERCE SDN BHD
No.2, Jalan ST/1, Taman Industri Sungai Tangkas,
43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA.

ISBN 978-967-2623-41-0



Kandungan

Kandungan ... v
Prakata ... vii

- BAB 1 Pendahuluan ... 1
Mohamad Zulfazdlee Abul Hassan Ashari, Firuz Akhtar Lubis & Napisah Karimah Ismail

SEJARAH & PERKEMBANGAN ISLAM

- BAB 2 Kemasukan Islam ke Kedah ... 6
Ahmad Jelani Halimi
- BAB 3 Dasar British dan Ulama Kerajaan Kedah: Kesannya Terhadap Masyarakat ... 11
Bariyah Basiron & Nabir Abdullah
- BAB 4 Institusi Haji dan Sumbangannya Terhadap Perkembangan Intelektual di Negeri Kedah Sehingga Awal Abad ke-20 ... 22
Sharifah Ismail & Nozira Salleh
- BAB 5 Sejarah Perkembangan Pendidikan Islam di Kedah ... 47
Mohd. Roslan Mohd. Nor, Mohamad Zulfazdlee Abul Hassan Ashari & Nursafira Lubis Safian
- BAB 6 Sumbangan Wan Abdullah Wan Puteh Dalam Perkembangan Seni Khat Islami di Negeri Kedah ... 59
Firuz Akhtar Lubis & Muhammad Bukhari Lubis

INSTITUSI & SUMBANGAN ULAMA

- BAB 7 Akar Umbi Pembentukan Ulama di Kedah ... 66
Farid Mat Zain & Hafiz Zakariya
- BAB 8 Biografi Tuan Guru Pondok di Malaysia ... 74
Mohamad Yusof Abdul Rahman Khan & Safinah Ismail

BAB 9 Sumbangan Tuan Husain Kedah Terhadap Perkembangan Islam di Kedah ... 100
Napisah Karimah Ismail & Farid Mat Zain

BAB 10 Sumbangan Ulama Nusantara Terhadap Bidang Pendidikan: Satu Kajian Terhadap Manuskrip Terpilih Pendidikan Islam ... 110
Mohd. Anuar Mamat

KELESTARIAN UMAT ISLAM

BAB 11 Literasi Kewangan Islam Terhadap Kesediaan Pelaksanaan Wasiat dan Hibah ... 124
Aisyah Abdul Rahman, Siti Umazah Bukhari & Syajarul Imna Mohd. Amin

BAB 12 Cabaran Pendidikan Islam di Kedah Sebelum Perang Dunia Kedua ... 141
Ishak Saat & Bariyah Basiron

BAB 13 Sekolah Zakat dan Perkembangan Pendidikan Islam di Kedah ... 159
Azizah Othman, Raziah Md. Tahir & Syarifah Md. Yusof

BAB 14 Perkembangan Pengajian Tafsir al-Qu’ran di Kedah: Satu Sorotan ... 168
Ahmad Fakhrurrazi Mohammed Zabidi & Siti Zainab Mamat

BAB 15 Pendidikan Bahasa Arab di Kedah: Antara Kualiti Guru dan Persepsi Pelajar ... 188
Zamri Arifin & Al Muslim Mustapa

Senarai Penyumbang ... 199

Prakata

Bismillah al-Rahman al-Rahim. Setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah (s.w.t.) atas limpah kurnia-Nya, selawat dan salam buat junjungan besar nabi kita, Muhammad (s.a.w.), juga kepada kaum keluarga Baginda, para Sahabat (r.a.) dan tabiin.

Buku *Islam di Kedah: Perkembangan & Kelestarian* ini merupakan suatu sumbangan penerbitan daripada ahli akademik muda di Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam (ArabIC), Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bersempena Nadwah Ulama Nusantara IX yang dianjurkan pada 28-29 Oktober 2021 oleh pihak Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam dengan kerjasama daripada Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) dan Yayasan Islam Negeri Kedah (YINK).

Buku suntingan ini yang akan dilancarkan dalam nadwah tersebut mempunyai signifikannya sendiri, khususnya dalam konteks kajian Islam di negeri Kedah Darul Aman. Penerbitan buku suntingan ini memuatkan beberapa buah artikel ilmiah yang telah ditulis oleh para sarjana dalam pelbagai bidang, seperti sejarah, ekonomi, pengajian Islam, pembangunan umat dan zakat. Kepelbagaian dan kerencaman isu yang dibahaskan di dalam buku suntingan ini adalah bertujuan untuk menyampaikan maklumat tentang perkembangan Islam dan kelestarian umatnya di negeri Jelapang Padi.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada Prof. Madya Dr. Ahmad Sunawari Long, Dekan Fakulti Pengajian Islam, UKM dan Dr. Farid Mat Zain, Pengurus Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam kerana memberikan kepercayaan kepada kami dalam menyiapkan buku suntingan ini. Kepada para penyumbang artikel, kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih atas dedikasi dan kerjasama yang diberikan. Semoga penerbitan ini dapat memberikan kefahaman kepada masyarakat tentang perkembangan Islam di negeri Kedah dan usaha-usaha yang dilaksanakan oleh pelbagai agensi bagi memastikan kelestarian umat Islam sentiasa terjamin, khususnya dalam mendepani realiti dan cabaran semasa.

Dr. Mohamad Zulfazdlee Abul Hassan Ashari

Dr. Firuz Akhtar Lubis

Dr. Napisah Karimah Ismail

Penyunting

Senarai Penyumbang

DR. AHMAD FAKHRURRAZI MOHAMMED ZABIDI
Pensyarah Kanan, Pusat Kajian al-Qur'an dan al-Sunnah
Fakulti Pengajian Islam, UKM

DR. AHMAD JELANI HALIMI
Mantan Profesor Madya
Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, USM

PROF. DR. AISYAH ABDUL RAHMAN
Profesor, Pusat Kajian Pembangunan Inklusif dan Lestari
Fakulti Ekonomi & Pengurusan, UKM
Felo Utama Bersekutu
Institut Islam Hadhari, UKM

DR. AL MUSLIM MUSTAPA
Guru Bahasa DG52/ Ketua Program Bahasa Arab
Fakulti Pengajian Islam, UKM

DR. AZIZAH OTHMAN
Pensyarah Kanan
Pusat Pengajian Perniagaan Islam, UUM

DR. BARIYAH BASIRON
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Pendidikan Islam
Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang

DR. FARID MAT ZAIN
Pensyarah Kanan, Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam
Fakulti Pengajian Islam, UKM
Pengerusi, Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam
Fakulti Pengajian Islam, UKM

DR. FIRUZ AKHTAR LUBIS
Pensyarah Kanan, Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam
Fakulti Pengajian Islam, UKM

PROF. MADYA DR. HAFIZ ZAKARIYA
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
Universiti Malaysia Terengganu (UMT)

PROF. DR. ISHAK SAAT
Profesor, Jabatan Sejarah
Fakulti Sains Kemanusiaan, UPSI

MOHAMAD YUSOF ABDUL RAHMAN KHAN
Penulis Bebas

DR. MOHAMAD ZULFAZDLEE ABUL HASSAN ASHARI
Pensyarah Kanan, Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam
Fakulti Pengajian Islam, UKM

DR. MOHD. ANUAR MAMAT
Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM

PROF. DR. MOHD. ROSLAN MOHD. NOR
Profesor / Ketua Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam
Akademi Pengajian Islam, UM

PROF. EMERITUS DR. MUHAMMAD BUKHARI LUBIS
Profesor Emeritus
Fakulti Bahasa & Komunikasi, UPSI

DR. NABIR ABDULLAH
Mantan Pensyarah, Jabatan Sejarah
Fakulti Sains Kemanusiaan, UPSI

DR. NAPISAH KARIMAH ISMAIL
Pensyarah Kanan, Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam
Fakulti Pengajian Islam, UKM
Ketua Program Prasiswazah Pengajian Arab dan Tamadun Islam
Fakulti Pengajian Islam, UKM

DR. NOZIRA SALLEH
Pensyarah Kanan, Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah
Fakulti Pengajian Islam, UKM

DR. NURSAFIRA LUBIS SAFIAN
Penolong Profesor, Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Arab
Kulliyyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, UIAM

DR. RAZIAH MD. TAHIR
Pensyarah Kanan
Pusat Pengajian Perniagaan Islam, UUM

SAFINAH ISMAIL
Pensyarah, Jabatan Dakwah & Usuluddin
Fakulti Pengajian Peradaban Islam, KUIS

DR. SHARIFAH ISMAIL
Pensyarah Kanan,
Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, UUM

SITI UMAZAH BUKHARI
Graduan Ijazah Sarjanamuda
Fakulti Ekonomi & Pengurusan, UKM

SITI ZAINAB MAMAT
Guru SMK Taman Jasmin
Kajang, Selangor

DR. SYAJARUL IMNA MOHD. AMIN
Pensyarah Kanan, Pusat Kajian Pembangunan Inklusif dan Lestari
Fakulti Ekonomi & Pengurusan, UKM

DR. SYARIFAH MD. YUSOF
Pensyarah Kanan
Pusat Pengajian Perniagaan Islam, UUM

PROF. MADYA DR. ZAMRI ARIFIN
Profesor Madya, Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam
Fakulti Pengajian Islam, UKM
Ketua Program Siswazah Pengajian Arab dan Tamadun Islam
Fakulti Pengajian Islam, UKM

BAB 5

Sejarah Perkembangan Pendidikan Islam di Kedah

MOHD ROSLAN MOHD NOR
MOHAMAD ZULFAZDLEE ABUL HASSAN ASHARI
NURSAFIRA LUBIS SAFIAN

Pengenalan

Pendidikan Islam merupakan suatu sistem pendidikan yang wujud lebih awal di Malaysia berbanding sistem pendidikan lain. Ia dilihat sebagai satu sistem yang penting dalam mendidik masyarakat di negara ini. Kewujudan sistem pendidikan Islam ini adalah disebabkan oleh pelbagai faktor yang mendorong sehingga ia menjadi penting dalam membangunkan modal insan untuk masa depan negara.

Antara faktor yang berkaitan dengan pendidikan Islam ialah kedatangan Islam ke Alam Melayu. Kedatangan Islam dilihat telah membentuk satu pola kehidupan di mana ia turut memberi kesan dengan terbinanya madrasah-madrasah yang memberi fokus dalam pendidikan agama. Hal ini turut dikukuhkan dengan sikap para raja Melayu yang banyak membuka ruang kepada penyebaran Islam di Tanah Melayu. Wujud segelintir raja Melayu yang membenarkan pengajian-pengajian berjalan di istana-istana mereka. Ini membuatkan penyebaran Islam berjalan dengan dokongan hubungan ‘*power and knowledge*’. Lebih jelas, ia adalah hubungan ulama’ dan umara’.

Di bahagian utara Semenanjung Malaysia seperti Perlis, Kedah dan Pulau Pinang, keadaan pendidikan Islam ternyata tidak ketinggalan dan menikmati perkembangan yang pesat. Negeri-negeri tersebut pernah dilihat sebagai sebahagian daripada pusat penyebaran agama Islam di Tanah Melayu. Ramai tokoh-tokoh yang muncul berasal dari negeri-negeri tersebut. Ada di antara tokoh-tokoh Islam telah mendirikan madrasah dan menyediakan prasarana pendidikan Islam untuk dikembangkan dan diajar di madrasah-madrasah atau pondok mereka.

Perkembangan pesat pendidikan Islam di Kedah ini jelas kelihatan setelah negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Penubuhan Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR) di bawah kelolaan JHEINK membuktikan iltizam Kedah dalam memastikan sistem pendidikan Islam di negeri tersebut berjalan dengan baik. Malah, penubuhan Institut Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman (INSANIAH) pada tahun 1995 dan dinaiktaraf sebanyak dua kali sebagai Kolej Universiti Insaniah (KUIN) pada tahun 2006 dan Universiti Islam Antarabangsa

Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS) pada tahun 2018 membuktikan betapa perkembangan pendidikan Islam di Kedah sentiasa mengalami kemajuan seiring peredaran masa.

Latar Belakang Islam di Kedah

Secara umumnya, kedatangan Islam ke Nusantara adalah berdasarkan faktor perdagangan, perkahwinan, penaklukan dan penghijrahan. Individu-individu yang bertanggungjawab menyebarkan Islam ke seluruh Alam Melayu berasal dari Tanah Arab, India dan China (Abdul Rahman 1989: 9). Kebanyakan pedagang tersebut beragama Islam. Selain daripada membawa barang dagangan, golongan pedagang ini turut menyebarkan Islam ke tempat yang mereka singgahi.

Kedah suatu ketika dahulu turut menjadi tempat persinggahan golongan peniaga dan pedagang daripada negara-negara tersebut. Terdapat bukti yang menunjukkan Islam sampai ke Kedah lebih awal daripada negeri lain. Antaranya sejarah Kedah mencatatkan seorang ulama Arab, Syeikh Abdullah al-Yamani telah datang ke Kedah dan mengislamkan Maharaja Darbar Raja II (kemudiannya digelar Sultan Muzaffar Shah I) pada tahun 531H/1136M. Beliau kemudiannya menjadi guru agama sultan dan menetap di Kedah (Muhammad Hassan 1968: 27). Dalam satu penulisan sejarah, iaitu “*Tarikh al-Salasilah Negeri Kedah*” telah dinyatakan bahawa Islam telah datang ke negeri Kedah pada tahun 551H bersamaan 1136M. Raja yang memerintah Kedah ketika itu ialah Maharaja Derbar Raja II. Baginda telah diislamkan oleh seorang ulama dari Yaman bernama Syeikh Ahmad bin Syeikh Qaumir. Sebagai sultan Islam, baginda telah menukar nama kepada Sultan Muzaffar Shah. Setelah pemerintah memeluk Islam, ia diikuti oleh para menteri dan rakyat jelata.

Pendapat yang lain pula mengatakan bahawa Islam telah mula bertapak di negeri Kedah pada kurun ke-9M. Terdapat sebilangan pedagang Arab dan Parsi telah datang ke negeri Kedah dan seterusnya menjadikan Kedah sebagai tempat persinggahan yang utama bagi mereka (Ahmad Jelani 1998: 11). Ini juga seiring diakui oleh S.Q. Fatimi yang menyatakan bahawa Kedah telah mendapat pengaruh daripada pedagang-pedagang tersebut (Fatimi 1963: 8). Kedah telah menjadi tempat persinggahan utama para pedagang dari Negara Arab, Parsi dan India khususnya sebelum mereka meneruskan perjalanan untuk kembali ke tanah air setelah berdagang di sebelah timur hingga ke negeri China. Keperluan mereka berhenti di tempat-tempat paling utara Alam Melayu seperti Sumatera dan utara Tanah Melayu adalah untuk menunggu perubahan angin bagi meneruskan pengembalaan mereka.

Di samping itu, ada dalam kalangan golongan pedagang Muslim ini yang berkahwin dengan perempuan tempatan. Hal ini diperkuatkan dengan kewujudan perkampungan-perkampungan kecil Islam di kawasan-kawasan tertentu, seperti mana yang dibuktikan melalui inskripsi Ibn Sirdhan (829M) dan inskripsi Syeikh Abdul Kadir Aliran (904M). Kedua-dua penemuan tersebut

membuktikan bahawa Islam telah dianuti oleh masyarakat Kedah seawal kurun ke-9M, iaitu lebih awal berbanding negeri-negeri lain di Tanah Melayu (Mukhamad Hadi 2005: 29).

Hasilnya, pendidikan Islam telah bermula di negeri Kedah seiring dengan kemasukan agama Islam. Ini ditambah dengan faktor sejarah hubungan dengan Patani dan Aceh yang terkenal sebagai tempat pengajian Islam. Ramai ulama daripada tempat ini yang datang ke Kedah dan mendirikan tempat pengajian. Antaranya ialah Syeikh Jarum di Derga dan Pak Cu Him di Gajah Mati.

Pendidikan Islam Formal dan Tidak Formal

Pendidikan Islam di Tanah Melayu didapati terbahagi kepada dua jenis iaitu pendidikan formal dan tidak formal. Pendidikan tidak formal dilaporkan telah wujud seawal kurun ke-15M dalam kalangan masyarakat Melayu iaitu berdasarkan kepada pendidikan Islam di istana Raja dengan kewujudan pendidikan khas atau tutor yang bertaraf Syeikh, Maulana dan Makhdum. Hal ini dibuktikan dengan fakta pengislaman raja Kedah yang pertama iaitu Maharaja Derbar Raja (Sultan Muzaffar Syah) dan menteri-menterinya oleh Syeikh Abdullah Yamani di istana baginda pada tahun 531 H/1136 M (Mohd. Syuja' 2006: 11). Begitu juga dengan Sultan-sultan Kedah yang amat mengambil berat terhadap pengajian agama. Misalnya, Sultan Muhammad Jiwa Zainal Abidin Muadzam Shah II yang telah meminta nasihat daripada Tuan Guru bernama Syeikh Abdul Jalil al-Mahdani tentang rancangan baginda untuk menjalankan perdagangan. Manakala, Sultan Abdul Hamid Halim Shah ibn Sultan Ahmad Tajudin telah menubuhkan Majma' Ulama pada tahun 1904 untuk membantu dalam pelbagai masalah agama.

Setelah Islam berkembang dalam kalangan rakyat jelata, institusi surau mula membangun dan berperanan sebagai pusat pendidikan bagi masyarakat. Pengajian jenis ini ditemui dalam Sejarah Melayu tulisan Munsyi Abdullah dan tulisan Raja Haji Ali. Malah, ramai penulis yang muncul pada awal abad ke-18 pernah meminta agar amalan pendidikan didikan di surau dapat dijalankan. Ia didapati wujud dalam dua keadaan yang penting iaitu:

1. Apabila terdapat seseorang yang dianggap mahir dan berpengetahuan dalam bidang agama.
2. Apabila terdapat ramai murid di sesuatu tempat dalam sesebuah kampung misalnya, mereka berkumpul secara beramai-ramai untuk belajar perkara-perkara agama daripada orang tersebut. Tempat itulah yang disebut sebagai surau.

Walaubagaimanapun, surau pada hari ini telah diletakkan di bawah kelolaan MAIK di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kedah, begitu juga dengan pengurusan pentadbiran dan guru agama kampung (Shafie 1984: 29).

Pengajian Islam Berasakan Pondok

Selain daripada institusi surau, pengajian Islam juga berjalan di rumah tuan guru atau imam. Bahkan, pertambahan bilangan pelajar dari luar seperti Indonesia dan Singapura telah mendorong kepada perkembangan institusi pendidikan yang baru, iaitu pondok. Sistem pengajian pondok dikatakan telah bermula di Kedah semenjak kedatangan Islam lagi menerusi pembinaan rumah-rumah persinggahan pedagang Arab di pesisir pantai yang turut menjadi pusat dakwah dan pendidikan. Berikutan itu, rumah persinggahan tersebut menjadi tumpuan masyarakat tempatan dan berkembang pesat sebagai pusat pendidikan Islam (Ramli 2006). Walaubagaimanapun, secara umumnya kehadiran pondok pertama di Kedah adalah pada pertengahan abad ke-19 (Shafie 1984: 29).

Hal ini disebabkan negeri Kedah terkenal dengan kewujudan ramai tokoh ulama. Malah, terdapat kira-kira 60 orang ulama, baik anak tempatan mahu pun anak perantau, seperti dari Kelantan, Patani dan Sumatera, telah dikesan berada di Kedah antara tahun 1850 hingga 1935. Antara tokoh ulama yang terkenal di negeri ini ialah Tuan Hussain Kedah dan Haji Wan Sulaiman bin Haji Wan Sidek (Tajuddin 1993). Tuan Hussain Kedah, dalam memperkembangkan pendidikan pondok telah membuka banyak pondok di Kedah iaitu antaranya di Bagan Ulu. Tanah berkeluasan kira-kira 160 relung telah digunakan bagi tujuan tersebut. Kewujudan institusi pondok yang telah merintis jalan ke arah kemunculan sekolah-sekolah Melayu di Negeri Kedah ini. Sejauh yang dapat dikesan, Sekolah Jawi Padang Lepai merupakan sekolah pertama yang wujud iaitu pada sekitar tahun 1861 (Mukhamad Hadi 2005: 33).

Sistem pondok juga dijalankan di perkampungan yang berpusatkan sebuah bangunan (surau/masjid) yang bertindak sebagai sekolah dan tempat beribadat. Hal ini dibuktikan berdasarkan kepada sumber-sumber bertulis iaitu selepas 1905. Sejarah sekolah pondok di Kedah bermula pada akhir ke-19 M iaitu bermula dengan pengajian pondok pertama di Kampung Pulau Pisang yang telah diasaskan oleh Sheikh Daud al-Fatani. Selain itu, terdapat juga beberapa pondok lain yang wujud di Kedah ketika itu iaitu Pondok Haji Muhamad Taib, Pondok Haji Muhamad Noor di Langgar dan Pondok Tua Syeikh Waksa di Kota Kuala Muda (Abdul Rahim 2003: 26).

Berkaitan pelajar pula, sistem pondok di Kedah menerima pelajar daripada pelbagai tempat. Secara umumnya, kategori pelajar boleh dipecahkan kepada tiga kelompok iaitu pelajar berasal dari Kedah, pelajar dari luar negeri Kedah khususnya negeri-negeri di Semenanjung Tanah Melayu dan pelajar dari luar negara seperti Indonesia, Thailand, Singapura dan Brunei (Solahuddin 2015). Malah, pelajar-pelajar pondok akan menginap di pondok-pondok kecil kerana prinsip belajar di pondok ini mestilah belajar jauh daripada keluarga dan tempat asal.

Kemajuan sesebuah pondok itu selalunya bergantung kepada keilmuan dan daya kepimpinan yang ada pada tuan guru. Kebanyakan pondok terkenal dengan nama kepada pengasas atau tuan guru di situ dan tempat kewujudannya.

Misalnya, Pondok Haji Hussain Langgar, Pondok Tok Sheikh Jarum Derga dan Pondok Sheikh Idris di Tajar. Pelajar-pelajar tidak dibahagi mengikut umur, sebaliknya dibuka kepada umum dan sesiapa sahaja boleh mengikuti pelajaran daripada tuan guru, selalunya selepas meminta izin daripada beliau.

Peranan Ulama dalam Pendidikan Islam di Kedah

Kelebihan faktor geografi sebagai negeri Jelapang Padi, sambutan dan sokongan masyarakat terhadap pendidikan pondok dan peranan yang baik dimainkan oleh jalinan umara' dan ulama' telah membantu mengembangkan pendidikan Islam dengan pesat di Kedah. Bahkan, sokongan semakin bertambah apabila Sekolah Melayu diwujudkan dan menawarkan pendidikan agama sepenuhnya. Menurut Roshan Kuntum, pada suatu waktu tidak terkira banyaknya sekolah-sekolah pondok di Kedah, tetapi bilangannya semakin merosot. Menjelang kemerdekaan pada tahun 1957, terdapat kira-kira 60 buah pondok di Kedah, antaranya Pondok Kubang Kota, Pondok Gajah Mati dan Pondok Sheikh Haji Abdullah. Beberapa penyelidik menyatakan bahawa pondok di Kedah telah wujud seawal abad ke-18 M lagi dan dikesan bermula di Pulau Pinang dan Kubang Pasu.

Institusi madrasah di Kedah pula dipercayai telah dimulakan oleh Wan Sulaiman Wan Sidek yang mana mendapat sistem persekolahan pondok tidak dapat membawa para pelajarnya mencapai taraf hidup yang sepatutnya mengikut ukuran zamannya. Ini memandangkan kepada kurikulumnya yang begitu sempit dan rigid serta tidak mampu menjawab persoalan hidup semasa. Bagi mengatasi masalah ini, beliau telah mengambil langkah dengan memperkenalkan satu sistem persekolahan yang berbentuk sistem madrasah iaitu beliau menubuhkan Madrasah al-Hamidiyah di Limbong Kapal dan sebuah lagi Maktab Mahmud atau Madrasah al-Ma'had al-Mahmud di Simpang Kuala (Abdul Rahim 2003: 28).

Enakmen Kawalan Sekolah Agama

Perkembangan ini juga menyebabkan sekolah-sekolah pondok yang lain mula bergerak ke arah penubuhan madrasah kerana ia lebih menekankan kepada kurikulum yang dapat membantu pelajar memajukan diri dengan kehidupan yang semakin mencabar. Madrasah ini terus berkembang dan kemudian di bawah kerajaan negeri diperuntukkan undang-undang pentadbiran agama Islam negeri Kedah 1962. Terdapat satu jabatan yang mengawal perjalanan pendidikan Islam iaitu Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah (JHEAIK) bahagian pendidikan dan juga peruntukan mengenai pendaftaran sekolah agama iaitu Enakmen pengenalan pendaftaran sekolah agama rakyat 1988 (Abdul Rahim 2003: 28).

Selain itu, pada tahun 1988 terdapat satu peruntukan undang-undang Enakmen Pengawalan Sekolah Agama Islam di bawah Sub Seksyen (2) menyatakan bahawa tiada seseorang boleh menubuh atau mendirikan sekolah

agama Islam melainkan didaftarkan mengikut peruntukan Enakmen ini di mana ia masih lagi di bawah pentadbiran bersama iaitu lembaga yang terdiri daripada ahli-ahli yang dilantik oleh sekolah dan juga di bawah Majlis Agama Islam Negeri Kedah (Abdul Rahim 2003: 29). Di bawah peruntukan undang-undang yang berkaitan dengan sekolah agama Islam ini mengikat SAR itu sendiri iaitu tidak boleh bergerak sendiri sebaliknya hanya mengikut apa yang telah ditetapkan oleh Majlis Agama. Ahli lembaga hanya boleh bertindak dalam hal-hal yang berkaitan dengan kewangan sekolah di bawah pentadbiran mereka namun laporan harus juga disediakan kepada pendaftar SAR.

Pada tahun 1960, lebih daripada 60 buah Sekolah Agama Rakyat ditubuhkan di Kedah sedangkan bilangan pondok pada masa itu telah merosot. Malah pada tahun 1964, Persatuan Ulama Kedah ditubuhkan oleh Majlis Agama Islam Kedah yang bertanggungjawab merancang polisi pendidikan dan menyelaraskan perkembangan sekolah-sekolah tersebut dengan melaksanakan sistem pengajaran, silibus dan buku-buku rujukan yang sama bagi setiap sekolah.

Seterusnya, sistem pendidikan di Kedah terus berkembang. Urusan pentadbiran semua sekolah agama diselaraskan oleh Unit Pelajaran Agama, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah (JHEAIK). Tugasnya antara lain adalah untuk mentadbir dan mengurus hal-hal berkaitan dengan pendidikan Islam, di samping mengurus dan memperkembangkan Islam menerusi institusi Pendidikan Islam yang diwujudkan. Selain itu, Bahagian Pelajaran Agama juga bertanggungjawab membekalkan dan menguruskan bantuan guru-guru untuk sekolah-sekolah yang memerlukannya, serta mempunyai beberapa jawatankuasa kecil yang dilantik sama ada oleh Majlis Agama Islam atau Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama.

Peranan JHEAIK Terhadap SMAR

Majlis Agama Islam Kedah merupakan satu badan induk yang membuat dasar, di mana keputusannya akan dilaksanakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kedah (JHEAIK). Oleh itu, terdapat satu bahagian pentadbiran yang mentadbir khusus kepada pengajian Islam di negeri Kedah. Bahagian pentadbiran ini adalah bahagian pendidikan yang berfungsi sebagai salah satu unit di dalam Organisasi Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri. Selain itu bahagian ini adalah berperanan untuk mencapai objektif jabatan dengan diketuai oleh pendaftar sekolah-sekolah agama menurut peruntukan-peruntukan Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Negeri Kedah No. 9 Tahun 1962 dan Enakmen Pengawalan Sekolah-sekolah Agama Islam 1988 (Abdul Rahim 2003: 8).

Fungsi utama penubuhan bahagian pendidikan ini adalah untuk mentadbir dan menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan pendidikan Islam di negeri ini daripada peringkat pra sekolah hingga kepada peringkat Kelas-kelas Pengajian al-Quran, Sekolah Rendah Islam, Sekolah Menengah Agama Rakyat, Ma'had Tahfiz dan lain-lain institut di peringkat tinggi yang berkaitan.

Namun di sini, perkara yang ingin difokuskan ialah mengenai Sekolah Menengah Agama Rakyat yang mana merupakan satu nama yang sinonim dengan sistem pengajian sekolah pondok. Dari segi peranan dan sumbangan yang diberikan oleh Sekolah-sekolah Menengah Agama Rakyat ia memang tidak dapat dinafikan lagi. Ini kerana ia menyediakan satu pilihan kepada masyarakat terutamanya dalam bidang pendidikan Islam, sekolah-sekolah ini juga berperanan sebagai institusi yang dapat menampung keperluan pendidikan di kampung. Dalam era pendidikan globalisasi ini pendidikan dalam bidang Islam juga mengalami perubahan sepihama yang berlaku ke atas sistem pendidikan awam.

Disebabkan pentingnya pendidikan ini serta sambutan masyarakat yang begitu menggalakkan, pentadbiran bahagian pendidikan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kedah sentiasa memikirkan kemajuan-kemajuan dan perubahan-perubahan yang perlu dilakukan. Objektif utama SMAR adalah berteraskan kepada Falsafah Pendidikan Negara dan juga Falsafah Pendidikan Islamia itu (Laporan Bahagian Pendidikan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah, t. th.: 2):

1. Melahirkan insan yang seimbang dari segi intelek, rohani dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada tuhan.
2. Menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al-Quran dan as-Sunnah bagi membentuk sikap, kemahiran dan keperibadian.

Bagi merealisasikan objektif tersebut, beberapa strategi telah dirangka iaitu:

1. Merancang, menggubal dasar dan strategi Pendidikan Islam.
2. Merancang program dan aktiviti pendidikan Islam.
3. Mengkaji dan menilai semula program dan aktiviti pendidikan.

Manakala bagi memantapkan lagi kualiti pendidikan di SAR, beberapa aktiviti pemantapan telah dilakukan sepihama berikut:

1. Program-program peningkatan akademik.
2. Pengurusan dan Keberkesanan P&P (Pengajaran dan Pembelajaran).
3. Pemantauan berkesan.
4. Pemantapan penguasaan bahasa.
5. Mewujudkan pasukan kerja.

Dari sudut kurikulum pula, di sini terdapat dua jenis peperiksaan yang dilaksanakan berdasarkan Kurikulum Ma’had Bu’uth iaitu:

1. Peperiksaan Sijil Menengah Rendah Agama (SMRA) di tingkatan empat.
2. Peperiksaan Sijil Tinggi Agama (STA) di tingkatan enam atas.
3. Peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) di tingkatan enam atas.

Selain itu juga, Perlaksanaan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia juga telah memberi peluang kepada pelajar-pelajar menduduki PMR, SPM dan

STPM. Bagi unit Ko-Kurikulum pula, ia lebih berperanan khususnya untuk membantu sekolah mewujudkan satu sistem pengurusan kegiatan luar bilik darjah dengan lebih terancang dan sistematik. Penekanan yang diutamakan adalah seperti mana berikut:

1. Kegiatan sukan: Perancangan sukan bermula di peringkat sekolah, zon dan negeri. Pada setiap tahun akan diadakan pertandingan sukan antara SMAR Kedah di Kompleks Sukan Universiti Utara Malaysia (UUM). Malah bagi memastikan aktiviti sukan berjalan dengan baik dan terkawal JHEAIK telah menubuhkan Majlis Sukan Sekolah-sekolah Agama Kedah (MASSAK).
2. Pasukan badan beruniform: Beberapa pertubuhan badan beruniform diwujudkan di peringkat sekolah. Antaranya yang paling aktif adalah Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (PBSM) dan Pertubuhan Puteri Islam Malaysia.
3. Aktiviti Berpersatuan: Ia turut digalakkan khususnya untuk membantu mengaktifkan perjalanan kurikulum di samping membantu dan membentuk sikap dan kepimpinan pelajar.

Pernah dilaporkan pada suatu ketika di Negeri Kedah terdapat sebanyak 54 buah SAR iaitu 46 daripadanya berdaftar di bawah JHEAIK termasuklah sekolah menengah dan rendah (Warta Darul Aman: t. th.). Jumlah ini mungkin bertambah selaras dengan perkembangan semasa kini di mana permintaan untuk pendidikan agama adalah meningkat. Lebih kurang sedekad yang lalu, jumlah pelajarnya adalah melebihi 20,000 orang manakala jumlah guru dan kakitangan sekolah ialah 1,600 orang dengan pelbagai kelulusan dari peringkat pengajian pondok hingga mempunyai kelulusan MA. Pelajar dan kakitangan semuanya beragama Islam dan 99% adalah berbangsa Melayu.

Pada November 2008, Kerajaan Negeri Kedah di bawah pimpinan Dato' Seri Ustaz Azizan Abdul Razak telah meluluskan peruntukan dalam bentuk 'Pembiayaan Projek Kecil' yang memberikan peruntukan berjumlah RM600,000 kepada SAR di bawah unit ini. Dengan peruntukan itu juga bermakna seramai 477 kakitangan dan 4,565 pelajar turut mendapat manfaat. Pada masa ini, Unit Hal Ehwal Sekolah Agama Rakyat (HESA) yang menaungi 21 Sekolah Agama Rakyat di negeri ini terdiri daripada sembilan Sekolah Rendah Islam (SRI), tujuh Sekolah Menengah Islam (SMI), tiga SAR yang mempunyai SRI dan SMI, dua Pusat Tahfiz masing-masing peringkat rendah dan Diploma (Utusan Malaysia 2008).

Selain itu, pada tahun itu juga kenaikan gaji kepada 214 orang guru SAR di 21 buah sekolah itu membabitkan peruntukan RM2.5 juta. Bantuan tersebut menunjukkan di mana sekolah agama rakyat turut mendapat pembelaan yang sepatutnya di Kedah. Perkara ini merupakan salah satu perkembangan yang positif bagi SAR di negeri tersebut.

Berikut ialah senarai nama sekolah agama yang berdaftar di bawah JHEAIK:

Sekolah Menengah Agama Negeri:

1. Maktab Mahmud (L), Alor Setar.
2. Maktab Mahmud Cawangan Langkawi, Langkawi.
3. Maktab Mahmud Cawangan Yan, Langkawi.

SMAR:

1. Sek. Men. Agama Maahad Dini d/a Maktab Mahmud, Alor Setar.
2. Madrasah Misbahul Falah, Baling.
3. Sek. Men. Agama Al-Hidayah Al-Islamiah, Ayer Hitam.
4. Sek. Men. Agama Nurul Islam, Ayer Hitam.
5. Sek. Men. Agama Assaadah, Alor Setar.
6. Sek. Men. Agama Raudhatul Ulum, Alor Setar.
7. Sek. Men. Agama Ahya Al Ulum, Alor Setar.
8. Sek. Men. Agama Nahdzah Hasanah, Kubang Pasu.
9. Sek. Men. Agama Darus Saadah, Alor Setar.
10. Sek. Men. Agama Makarumul Akhlak, Alor Setar.
11. Sek. Men. Agama Al-Falah, Kuala Kedah.
12. Sek. Men. Agama Al Khairiah, Kuala Nerang.
13. Sek. Men. Agama Al Ahmadiah, Kuala Nerang.
14. Sekolah Menengah Annajah, Baling.
15. Sek. Men. Agama Al-Islah, Pendang.
16. Sek. Men. Agama Daris Sungai Jagung, Kuala Muda.
17. Sek. Men. Agama Falahiah Sidam Kanan, Kulim.
18. Sek. Men. Agama Taufikiah Al-Khairiah, Yan.
19. Madrasah Al-Hidayah, Pendang.
20. Sek. Men. Agama Islahiah, Kulim.
21. Sek. Men. Agama Al-Nadhah, Kota Sarang Semut.
22. Madrasah Assaadah Diniah, Yan.
23. Sek. Men. Agama Maktab Pengajian Islam, Kodiang.
24. Sek. Men. Agama Pekan Gurun, Gurun.
25. Sek. Men. Agama Fauzi, Yan.
26. Sek. Men. Agama Ittihadul Wataniah, Serdang.
27. Sek. Men. Agama Infitah Khairiah, Sik.
28. Madrasah Irsyadiah, Sik.
29. Sek. Men. Agama Ihsaniah, Kulim.
30. Sek. Men. Agama Tarbiah Al-Nasyiin, Kota Kuala Muda.
31. Sek. Men. Agama Saadatuddaroin, Bedong.
32. Sek. Men. Agama Tarbiah Diniah, Kulim.
33. Sek. Men. Agama Diniah Islamiah, Baling.
34. Sek. Men. Agama Sungai Petani, Bedong, Kuala Muda.
35. Sek. Men. Agama Belantik, Sik.
36. Sek. Men. Agama Yayasan Khairiah, Baling.
37. Sek. Men. Agama Rauzhatul Aftal, Baling.
38. Sek. Men. Agama Tarbiyyah Islamiah, Baling.

Sekolah Rendah Agama:

1. Sekolah Rendah Islam Darul Aman (SRIDA), Alor Setar.
2. Sek. Ren. Islam UMMI (SERU), Alor Setar.
3. Sek. Ren. Islam Nurul Hidayah Penghulu Elang, Kulim.
4. Sek. Ren. Agama Daris, Sungai Petani.
5. Ren. Islam Al-Islah, Pendang

Institut Pengajian Tinggi

Negeri Kedah turut menyaksikan penubuhan sebuah institut pengajian tinggi yang menawarkan silibus Pendidikan atau Pengajian Islam. Bermula sebagai Institut Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman (INSANIAH), institut ini telah dinaiktaraf menjadi sebuah kolej universiti pada tahun 2006 dengan nama Kolej Universiti Insaniah (KUIN). Pada tahun 2018, KUIN secara rasmi telah dinaiktaraf menjadi sebuah universiti yang dikenali sebagai Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS).

Sehingga kini, UniSHAMS memiliki enam buah fakulti atau kulliyyah, iaitu Kulliyyah Usuluddin dan Sains al-Qur'an, Kulliyyah Muamalat dan Sains Pengurusan, Kuliah Syariah dan Undang-undang, Kulliyyah Bahasa Arab, Kulliyyah Perubatan dan Sains Kesihatan serta Kulliyyah Hospitaliti dan Seni Kreatif. Program yang ditawarkan pula bermula daripada peringkat Pengajian Asasi hingga Doktor Falsafah. Malah, UniSHAMS turut menawarkan program Diploma Pascasiswazah Kehakiman dan Guaman Syarie. Selain itu, UniSHAMS turut merencanakan perkembangan ke arah penyelidikan menerusi penubuhan Pusat Pengajian dan Penyelidikan Kewangan Islam (UniSHAMS CIFER) (<http://unishams.edu.my/portal/en/academic>).

Jika diperhatikan kepada senarai kulliyyah tersebut, 4 buah kulliyyah jelas mengangkat Pendidikan Islam sebagai tunjang utama pengajaran dan pembelajaran di kulliyyah berkenaan, iaitu Kulliyyah Usuluddin dan Sains al-Qur'an, Kulliyyah Muamalat dan Sains Pengurusan, Kuliah Syariah dan Undang-undang, Kulliyyah Bahasa Arab. Dengan keterlibatan pensyarah yang berkelulusan daripada pelbagai universiti, termasuk Timur Tengah, menjadikan sistem Pendidikan Islam menjadi antara asas utama kepada matlamat penubuhan UniSHAMS itu sendiri.

Kesimpulan

Kedatangan Islam ke Kedah telah mengubah cara hidup dan sosio-ekonomi masyarakat Melayu di negeri tersebut. Malah, aspek pendidikan turut mendapat tempias daripada kemasukan Islam ini. Bermula di istana, pendidikan Islam di Kedah semakin berkembang seiring dengan tuntutan masyarakat dengan penubuhan beberapa institusi seperti masjid, surau, pondok dan madrasah. Kini,

peranan kerajaan melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah (JHEAINK) amat terserlah dalam memastikan pendidikan Islam sentiasa mendapat tempat yang sewajarnya melalui penubuhan dan pendaftaran sekolah agama. Maktab Mahmud yang terletak di Alor Setar merupakan antara bukti utama keprihatinan semua pihak di Kedah, termasuk pihak istana, dalam menjaga kepentingan dan memastikan kelestarian pendidikan Islam di negeri tersebut. Tambahan pula, penubuhan UNISHAMS bagi peringkat pengajian tinggi membuktikan bahawa Kerajaan Negeri Kedah ternyata serius dalam mengangkat martabat pendidikan Islam ke tempat yang sewajarnya.

Rujukan

- Abdul Rahim Abu. 2003. Peranan Majlis Agama Islam dalam mempertingkatkan pembangunan kemajuan Sekolah Menengah Agama Rakyat: Kajian di daerah Alor Setar. Disertasi Sarjana, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Abdul Rahman Abdullah. 1989. *Islam dalam Sejarah Asia Tenggara Tradisional*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pena.
- Ahmad Jelani Halimi. 1998. Kemasukan Islam ke Kedah. Dlm. *Dokumentasi Konvensyen Sejarah Kedah Darul Aman Kedua, Islam di Kedah Darul Aman*. Alor Setar: Majlis Kebudayaan Negeri Kedah.
- Fatimi, S.Q. 1963. *Islam Comes to Malaysia*. Singapore: Malaysian Sociological Research Institute.
- <http://unishams.edu.my/portal/en/academic> (Diakses pada 20 Oktober 2021).
- Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah (JHEAIK). 2003. Perkembangan dan Perjalanan Sekolah-sekolah Agama Rakyat Negeri Kedah Darul Aman. Alor Setar: Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah (JHEAIK).
- Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah (JHEAIK). t.th. *Laporan Bahagian Pendidikan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman*. Alor Setar: Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah (JHEAIK).
- Mohd Syuja' Saidin. 2006. Sejarah perkembangan pendidikan Islam : Suatu Kajian Khusus di Sekolah Menengah Agama Tarbiyah Al-Nashiin, Bukit Meriam, Kota Kuala Muda, Kedah. Disertasi Sarjana, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Muhammad Hassan Dato' Kerani Muhammad Arsyad. 1968. *al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mukhamad Hadi Musolin Subagio. 2005. Peranan Sekolah Menengah Agama Rakyat Negeri Kedah di dalam Pendidikan Islam: Suatu Kajian di Sekolah Menengah Agama (Arab) Yayasan Khairiah Kampung Pisang. Disertasi Sarjana. Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Ramli Awang. 2006. *Perkembangan Institusi Pondok di Nusantara; Pengaruhnya di Negeri Kedah*. Skudai: Penerbit Univeriti Teknologi Malaysia.
- Shafie Abu Bakar. 1984. Ke Arah Pembaikan Sistem Pondok di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Islam*. 2: 24-44.
- Solahuddin Ismail. 2015. Transformasi sistem pendidikan Islam di Kedah: usaha memodenkan disiplin pengajian Islam. https://www.academia.edu/6911263/TRANSFORMASI_SISTEM_PENDIDIKAN_

ISLAM_DI_KEDAH_USAHA_MEMODENKAN_DISIPLIN_PENGAJIAN_ISLAM [30 September 2021].

Tajuddin Saman. 1993. *Tokoh Ulama Nusantara*. Kuala Lumpur: Berita Publishing.
Utusan Malaysia Online. 24 November 2008.